



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 11 MAC 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA'S STRATEGIC SHIFT UNDER 13MP, EVENTS, THE STAR, M/S – 7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	AGROBANK LANCAR KEMPEN AGRONITA KHAS UNTUK USAHAWAN WANITA, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 27	AGROBANK
3.	AGROBANK SALUR PAMPASAN RM24.6 JUTA KEPADA PESAWAH, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 31	
4.	TAK PERLU PEMBELIAN PANIK, BEKALAN BARANGAN KEPERLUAN SEMPENA AIDILFITRI MENCUKUPI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 16	LAIN – LAIN
5.	WASPADA BELI UBAT HAIWAN BELAAN, KUBELA, HARIAN METRO, M/S – 34	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



By curbing the influence of middlemen, Fama's market intervention ensures that more profit goes to the producers and more savings go to the rakyat.



Shoppers will enjoy a guaranteed supply of fresh produce at controlled prices through Fama's nationwide rejuvenation of market outlets.

By LEE CHONGHUI  
chonghui.lee@thestar.com.my

FOR most Malaysian families, the kitchen is the natural hub of the home, while the food on the table is a simple reflection of daily life and security.

However, as shifting global markets affect local prices, the straightforward path from the farm to the family meal has become increasingly complex.

At this vital link between a farmer's livelihood and a household's needs, the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is evolving from its traditional role as a market player into a national market regulator tasked with safeguarding the country's food supply.

Under the 13th Malaysia Plan (13MP), Fama is undergoing a historic strategic transformation with an audacious goal to double its gross domestic product (GDP) contribution to RM26.25bil, while ensuring that food security is felt in the kitchens of every Malaysian household every day.

Fama director-general Abdul Rashid Bahri notes that in 11MP, Fama acted as the 'buyer of last resort' with a focus on direct intervention to ensure crops did not go to waste.

"By 12MP, the focus shifted toward entrepreneur empowerment, where Fama acted as the 'seller of last resort'.

"Under 13MP, Fama's role is now strengthened not just as a facilitator, but as an agency that actively monitors and regulates the national agrifood market," Abdul Rashid explains.

He adds that this shift ensures a market that is "more stable, transparent, and sustainable", legally empowering Fama to curb market manipulation by middlemen.

"Market regulation isn't just about rules; it's about ensuring fair play so that no single entity can manipulate the prices of basic necessities.

"Our mandate is to ensure that the imbalance in the market, often caused by layers of middlemen, is corrected. The profit should go to the farmers, and savings should go to the rakyat," he says.

#### A multi-pronged strategy

To achieve this, Fama has launched high-impact projects worth RM27.8mil. Central to this is the Pembangunan Pasaran Agromakanan (PPAM).

"PPAM is a market intervention mechanism that sources produce directly from producers

## FAMA'S STRATEGIC SHIFT UNDER 13MP

Fama is on a mission to curb middlemen and digitalise the farm-to-fork chain to slash Malaysian grocery bills



Fama's new 3PL and cold chain project aims to slash delivery expenses for rural farmers by up to 20% by optimising backhaul journeys and eliminating logistical inefficiencies.

to reduce the imbalance caused by middlemen.

"For the consumer, this translates to controlled prices and a guaranteed supply of basic food items," he says.

He adds that an RM40mil allocation for the rejuvenation of market outlets will see 411 existing outlets upgraded and 241 new ones established.

He notes that these modern hubs, including the widely successful Jualan Agro Madani, offer produce at prices 10% to 30% lower than local market rates, providing immediate relief to household costs.

To ensure end-to-end industry support, Fama's strategic framework operates through three precise segments:

Upstream. The focus is on direct farm purchases and market interventions to stabilise supply and ensure fair pricing.

Midstream. The priority shifts to value-addition through the Micro-IAT initiative, guiding entrepreneurs through Halal, GMP, and MeSTI accreditations to enhance retail readiness.

Finally for downstream, Fama propels local products onto the global stage through the GLOBEX programme and "Malaysia's Best" branding.

#### Digital and global ambitions

Digitalisation serves as the backbone of this evolution,

anchored by the i-FAMA Super App and Surveillances And Intervention On Supply And Demand Of Agrofood (Sisda).

By leveraging Sisda's predictive analytics, Fama can monitor global and local trends to provide early warnings on price and supply fluctuations.

"We are putting the entire marketplace into the pockets of our farmers and consumers," Abdul Rashid explains, noting that the app integrates all systems to provide a one-stop digital architecture.

This effort is complemented by the DIGIFOOD Network, which introduces cashless payments, AI-driven promotions, and online sales capabilities to traditional markets.

"We are targeting 60% market data mastery by 2030 to make strategic decisions based on big data," he notes.

He adds that Fama, by 2026, expects 80% of its supervised entrepreneurs to have a digital presence on platforms like Agrobazaar Online, linking producers to consumers via real-time data for supply-demand matching.

On the global stage, Fama aims to increase export values by 10% annually.

"By focusing on product reformulation for ready-to-eat meals and strengthening the 'Malaysia's Best' endorsement brand, we are ensuring local



Abdul Rashid says Fama's transformation from market player to market regulator helps curb market manipulation by middlemen.

produce meets rigorous international standards, such as those of the US Food and Drug Administration and the European Union," he says.

#### Efficiency from farm to table

Recognising that high costs often stem from logistical inefficiencies, Fama is introducing the Third Party Logistics (3PL) and cold chain logistics project.

"By optimising backhaul journeys, Fama aims to reduce delivery costs for rural farmers by up to 20%.

"A total of five new integrated logistics centres equipped with blast chillers will be built to significantly extend the shelf life of fresh products and reduce food loss," shares Abdul Rashid.

#### Protecting the rakyat

To maintain transparency and avoid public disputes, Fama prioritises engagement sessions with associations representing producers, exporters, and pro-

cessors to find unified solutions. This collaborative spirit is anchored by a commitment to food sovereignty, ensuring Malaysia can produce its own food and remain self-sufficient rather than relying solely on imports.

"Fama's goals are to increase net farmer income by at least 30%, achieve a significant reduction in food loss through better supply chain management, and aggressively increase marketing efficiency both domestically and internationally."

For the average Malaysian, this strategic evolution means protection from price manipulation and the peace of mind that the nation's food future is secure.

Abdul Rashid concludes, RMK13 is ultimately about whether the rakyat can feel the benefits in their kitchens every day.

"At the end of the day, the success of 13MP is not measured in reports, but in whether a mother feels the difference in her grocery bill."

## Agrobank lancar kempen AGRONITA khas untuk usahawan wanita

**Kuala Lumpur:** Agrobank melancarkan Kempen AGRONITA: Khas Untuk Usahawan Mikro Wanita, sebuah inisiatif pembiayaan bersasar selama tiga bulan bagi menyokong dan memperkasakan golongan usahawan wanita di seluruh negara.

Langkah strategik itu dilaksanakan sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa, sekali gus membuktikan komitmen bank berkenaan dalam memacu pertumbuhan perniagaan mikro yang diterajui oleh

gawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badi Shah Raja Hussin (*gambar*) berkata, kempen berkenaan mencerminkan kesungguhan pihaknya dalam memperluaskan akses kewangan kepada usahawan di peringkat akar umbi.

"Melalui AGRONITA,

kami ingin menyokong pertumbuhan perniagaan serta mengukuhkan aktiviti ekonomi tempatan dengan menyediakan kemudahan pembiayaan yang mudah diakses," katanya dalam kenyataan.

Kempen yang bermula dari

8 Mac lalu sehingga 8 Jun depan itu menawarkan pembiayaan mikro patuh Syariah dengan kadar keuntungannya kompetitif bermula serendah 4.75 peratus setahun.

Inisiatif ini terbuka kepada warganegara Malaysia wanita berumur antara 21 hingga 70 tahun yang mengendalikannya perniagaan mikro patuh syariah dan sudah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan.

Di bawah program ini, usahawan yang layak boleh memohon jumlah pembiayaan bermula daripada

RM1,000 sehingga mencecah RM100,000 mengikut keperluan perniagaan masing-masing.

Selain kadar keuntungan yang menarik, kempen ini turut menawarkan tempoh pembayaran balik yang fleksibel iaitu sehingga tujuh tahun, memberi ruang kepada usahawan untuk menguruskan aliran tunai dengan lebih cekap.

Menambah daya tarikan, Agrobank turut menyediakan insentif eksklusif berupa Payung Agrobank bersaiz lapan kaki bagi 200 pelanggan pertama yang

permohonannya diluluskan dalam tempoh tempoh.

Insentif itu direka khusus bagi membantu kelangsaan operasi harian usahawan wanita, terutama mereka yang menjalankan perniagaan di gerai fizikal atau di luar premis perniagaan.

Agrobank terus teguh dalam memperjuangkan penyelesaian pembiayaan inklusif yang membolehkan usahawan wanita membina perniagaan mampan demi kesejahteraan komuniti dan ekonomi negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2026	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	31

# Agrobank salur pampasan RM24.6 juta kepada pesawah

**PETALING JAYA:** Seramai 10,726 pesawah tempatan telah menerima pampasan berjumlah RM24.6 juta di bawah Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) setakat ini, sebagai langkah melindungi kebajikan golongan tersebut daripada risiko luar jangka.

STTP yang diperkenalkan sejak September 2024 merupakan skim perlindungan khusus bagi menyediakan bantuan kewangan kepada pesawah berdaftar yang mengalami kerosakan tanaman akibat bencana alam, serangan perosak serta penyakit.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, skim tersebut menawarkan perlindungan sehingga RM3,000 sehektar bagi setiap musim penanaman untuk kerugian akibat bencana alam.

“Bagi kerugian yang disebabkan oleh serangan makhluk perosak dan penyakit tanaman pula, perlindungan yang ditawarkan adalah sehingga RM1,500 sehektar bagi setiap musim.

“Skim ini bukan sahaja memberi perlindungan kewangan, malah membantu meningkatkan daya tahan pesawah dalam menghadapi risiko yang boleh menjejaskan sumber pendapatan mereka,” katanya dalam kenyataan.



**MENTERI** Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (dua kiri) menyampaikan Skim Takaful Penanaman Padi kepada penerima di Kedah, baru-baru ini.

Menurut beliau, penyediaan perlindungan seperti itu amat kritikal terutama dalam mendepani musim tengkujuh dan risiko banjir yang tidak menentu bagi memastikan kelangsungan pendapatan pesawah terus terpelihara.

Sehubungan itu, Agrobank menggalakkan para pesawah untuk segera melengkapkan proses pendaftaran melalui Pertubuhan Peladang Kawasan

(PPK) masing-masing.

“Pesawah juga disaran membuka akaun Agrobank bagi memudahkan urusan tuntutan dan penyaluran pampasan dilakukan dengan lebih cekap.

“Melalui STTP, kami komited memperkasa sokongan kepada pesawah agar sektor penanaman padi negara kekal mampan, sekali gus menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara,” jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2026	HARIAN METRO	LOKAL	16

Oleh Mahani Ishak  
am@hmetro.com.my

**Ampang**

Orang ramai dinasihati tidak membuat pembelian panik menjelang Aidilfitri kerana bekalan barangan keperluan di negara ini mencukupi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pemantauan awal sudah dibuat bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta pemain industri bagi memastikan bekalan mencukupi sehingga selepas Aidilfitri.

"Langkah itu termasuk memastikan rantaian bekalan barangan utama sentiasa stabil walaupun terdapat kebingangan berkaitan faktor cuaca dan perkembangan konflik global.


"Semalam dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kita ketika ini mempunyai lebih bekalan barangan-barang utama.

"Namun, sebagai langkah kontigensi, selain KPKM, kami juga bekerjasama dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi menghadapi kebingangan perang berlarutan termasuk mencari sumber alternatif sekiranya negara sumber tidak boleh atau terpaksa menghentikan eksportnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya dan Program Jualan Rahmah MADANI

**BEKALAN BARANGAN KEPERLUAN SEMPENA AIDILFITRI MENCUKUPI**

**Tak perlu pembelian panik**



ARMIZAN (dua dari kanan) menyantuni orang ramai yang membeli barangan keperluan pada Majlis Pengumuman SHMMP Hari Raya dan PJRM Aidilfitri di Laman Rekreasi Tasek Tambahan di Ampang, semalam.

(PJRM) Aidilfitri di Laman Rekreasi Tasek Tambahan di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam.

Mengenai peningkatan harga sayur akibat faktor cuaca, Armizan berkata, beberapa jenis sayur utama sudah dimasukkan dalam senarai SHMMP Aidilfitri.

"Kita tahu faktor cuaca antara yang memberi implikasi utama kepada bekalan sayur. Namun, Alhamdulillah, jenis sa-

yur-sayuran utama itu kami masukkan dalam SHMMP ini," katanya.

Menjawab kebingangan konflik di Asia Barat menyebabkan kenaikan mendadak harga barangan di peringkat global, beliau berkata, kerajaan mengarahkan setiap kementerian menyediakan pemantauan serta pelan kontigensi berdasarkan bidang kuasa masing-masing.

Dalam perkembangan sama, Armizan berkata, kerajaan akan melaksanakan SHMMP Aidilfitri 2026 selama 15 hari bermula 14 hingga 28 Mac depan bagi memastikan harga barangan keperluan terkawal sepanjang musim perayaan.

Menurutnya, sebanyak 27 jenis barangan terabit di bawah skim itu dengan tambahan satu produk kacang dal (Australia) berbanding 26 barangan pada tahun lalu.

"Bagi Semenanjung Malaysia, terdapat 24 jenis barangan di bawah skim ini. Daripada jumlah itu, sembilan harga maksimum kekal, 13 harga turun, satu naik dan satu barangan baharu dimasukkan.

"Di Sarawak, lapan harga barangan kekal, 10 turun dan tiga meningkat dengan dua barangan baharu dimasukkan, menjadikan ke-

seluruhan 23 barangan sementara di Sabah, sembilan harga kekal dan 12 turun di samping dua barangan baharu dimasukkan.

"Di Wilayah Persekutuan Labuan, lapan harga kekal, 11 turun, satu meningkat serta dua barangan baharu," katanya.

Beliau berkata, penurunan harga maksimum bagi sebahagian besar barangan itu dipengaruhi bekalan mencukupi serta pengukuhan nilai ringgit sejak kebelakangan ini.

Skim itu dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan semua peniaga diwajibkan untuk mempamerkan tanda harga merah jambu bagi barangan yang dikawal.

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, KPDN menyasarkan 1,898 siri PJRM dilaksanakan sepanjang Ramadan.

"Setakat semalam (9 Mac), sebanyak 910 program diadakan dan baki 988 lagi akan dilaksanakan sehingga sehari sebelum 1 Syawal," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga akan meningkatkan jumlah barangan yang dijual dalam program itu daripada purata 40 kepada sekurang-kurangnya 50 jenis barangan terutama keperluan menjelang Aidilfitri seperti gula kastor yang digunakan membuat biskut.

**SHMMP Aidilfitri 2026 dilaksanakan selama 15 hari bermula 14 hingga 28 Mac depan**

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus  
asmaini@mediaprima.com.my

**Trend** membeli ubat haiwan secara dalam talian semakin popular dalam kalangan pemilik kucing di Malaysia.

Kemudahan membelinya hanya dengan menggunakan telefon pintar menjadikan proses mendapatkan ubat lebih pantas tanpa perlu ke klinik veterinar.

Namun, kemudahan ini juga menuntut pengguna lebih berhati-hati supaya ubat yang dibeli benar-benar selamat dan sesuai untuk haiwan peliharaan.

Perkembangan platform e-dagang juga memudahkan pemilik kucing mendapatkan pelbagai produk kesihatan haiwan.

Daripada ubat kutu, vitamin hinggalah ubat cacing, semuanya boleh ditemui hanya dengan beberapa klik di hujung jari.

Bagaimanapun, adalah dinasihatkan supaya pemilik kucing tidak membeli ubat secara sembarangan tanpa mengetahui fungsi dan kesesuaiannya.

Ini kerana setiap ubat mempunyai dos dan tujuan tertentu, malah kesilapan memilih boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan kucing.

Langkah pertama sebelum membeli ubat kucing secara dalam talian ialah mengenal pasti masalah kesihatan yang dialami haiwan peliharaan anda.

Kucing contohnya, jika menunjukkan simptom luar biasa seperti muntah, cirit-birit atau hilang selera makan, pemilik sebaiknya perlu mendapatkan nasihat doktor haiwan terlebih dahulu.

Selain itu, pastikan ubat yang ingin dibeli mempunyai kelulusan pihak berkuasa.

Di Malaysia, produk veterinar biasanya dikawal oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia bagi memastikan keselamatan pengguna dan haiwan peliharaan.

Pemilik kucing juga digalakkan memilih penjual yang mempunyai reputasi baik di platform e-dagang.

Perhatikan penilaian pembeli terdahulu, jumlah jualan serta maklum balas pelanggan bagi memastikan produk yang dijual adalah asli dan berkualiti.

Selain itu, bacalah keterangan produk dengan teliti kerana maklumat seperti bahan aktif, fungsi ubat, cara penggunaan serta had umur kucing



DARIPADA ubat kutu, vitamin hinggalah ubat cacing, semuanya boleh ditemui hanya dengan beberapa klik di hujung jari

# WASPADA BELI UBAT HAIWAN BELAAN

Pengguna perlu berhati-hati supaya ubat yang dibeli secara dalam talian benar-benar selamat dan sesuai untuk haiwan peliharaan



JIKA haiwan peliharaan menunjukkan simptom luar biasa seperti muntah, cirit-birit atau hilang selera makan, dapatkan nasihat doktor haiwan terlebih dahulu.

perlu diperhatikan sebelum membuat pembelian.

Periksa juga tarikh luput ubat yang dijual kerana ubat yang hampir tamat tempoh boleh mengurangkan keberkesanan rawatan dan dalam sesetengah kes boleh menjejaskan kesihatan haiwan kesayangan.

Dalam pada itu, ubat rawatan penyakit, produk pencegahan seperti ubat kutu dan cacing juga antara yang paling kerap dibeli secara dalam talian.

Walaupun begitu, pemilik perlu memastikan dos yang digunakan sesuai dengan berat badan kucing.

Penggunaan dos berlebihan boleh menyebabkan keracunan, manakala dos terlalu rendah pula tidak memberi kesan rawatan yang optimum.

Pemilik kucing juga disarankan mengelakkan membeli ubat yang tidak mempunyai label jelas atau dijual dengan harga terlalu murah.

Ini kerana, produk tiruan atau tidak berdaftar boleh memberi risiko kesihatan kepada haiwan.

Jika membeli ubat berbentuk cecair atau suntikan pula, pastikan penjual menyediakan maklumat penyimpanan yang betul.

Sesetengah ubat perlu disimpan pada suhu tertentu untuk mengekalkan keberkesannya.

Pada masa sama, pemilik kucing boleh memanfaatkan kemudahan platform dalam talian untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai penjagaan kesihatan haiwan.

Banyak klinik veterinar kini turut berkongsi panduan dan nasihat melalui media sosial.

Biarpun pembelian ubat secara digital semakin mudah, pemilik kucing tetap perlu mengutamakan keselamatan haiwan peliharaan.

Dalam hal ini, mendapatkan nasihat pakar sebelum membeli ubat adalah langkah terbaik bagi mengelakkan kesilapan rawatan.

Pendek kata, membeli ubat kucing secara dalam talian boleh menjadi pilihan praktikal jika dilakukan dengan bijak.

Pengetahuan asas mengenai produk dan kesihatan kucing mampu membantu pemilik membuat keputusan yang lebih tepat.

Dengan sikap lebih berhati-hati dan peka terhadap keselamatan produk, pemilik bukan sahaja dapat menjimatkan masa, malah memastikan kucing kesayangan menerima rawatan yang selamat dan berkesan.

FOTO JANA ANAI